

17/09/1999

Formula Malaysia landasan hadapi alaf baru

KELMARIN, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan Formula Malaysia di Putrajaya sebagai kempen meningkatkan kesedaran rakyat mengenai pelbagai usaha ke arah mencapai kejayaan yang lebih besar dan bermakna kepada negara dan bangsa. Formula Malaysia adalah resipi unik yang digunakan sejak negara mencapai kemerdekaan untuk membangunkan negara yang kini terbukti mencapai kejayaan. Ia adalah ciptaan tulen Malaysia yang tidak disadur daripada mana-mana model lain di dunia. Formula Malaysia dirumus daripada setiap pengalaman pahit-manis yang dilalui dalam proses membentuk sebuah negara Malaysia.

Dalam tempoh 42 tahun itu, begitu banyak peristiwa berlaku dan pelbagai cara penyelesaian dirumus dan dilaksanakan. Peranan yang dimainkan oleh pejuang bangsa dan parti-parti politik, terutamanya Umno, amat besar dalam menentukan kejayaan negara ini. Ia mungkin bermula daripada cara mengubah sikap rakyat yang ketika itu dibelenggu dengan pemikiran penjajah, diikuti dengan perubahan cara bekerja, terutamanya sewaktu awal negara mula memperkenalkan teknologi. Ini bukanlah tugas mudah kerana sebagai generasi yang baru merdeka ketika itu, banyak masalah perlu dilalui dan kekurangan yang perlu ditampung.

Menerusi sistem pendidikan pula, begitu banyak perubahan dasar dilaksanakan untuk menyesuaikan dengan keadaan semasa. Pelbagai isu pendidikan timbul sepanjang tempoh itu tetapi segala-galanya dapat dipertahankan hinggalah ke hari ini yang menyaksikan begitu banyak universiti dan institusi pengajian tinggi (IPT) dibina dan ratusan ribu pelajar sudah bergelar graduan.

Dalam bidang ekonomi dan perniagaan pula, rakyat terpaksa digerakkan secara perlahan demi perlahan untuk membolehkan mereka memahami dua dunia itu. Hasilnya hari ini bidang ekonomi bukanlah asing di negara ini malah sudah ramai yang menjadi usahawan berjaya. Begitu juga dalam usaha meningkatkan taraf hidup bagi mengatasi masalah kemiskinan yang memerlukan pendekatan yang bijak. Beratus ribu hektar tanah dibuka untuk peneroka menerusi penubuhan Risda, Felcra dan lembaga kemajuan tanah lain, adalah antara pendekatan yang digunakan untuk memakmurkan rakyat dan negara.

Dalam konteks perpaduan kaum pula, pelbagai usaha dan cara dilaksanakan bagi memastikan rakyat terus hidup aman. Hari ini pula rakyat didedahkan dengan teknologi maklumat (IT) yang memaksa kerajaan memikirkan cara mana kemajuan teknologi itu dimanfaatkan sepenuhnya. Semua ini adalah sekelumit pengalaman yang dianggap sebagai formula kejayaan Malaysia yang tidak terdapat di negara lain.

Formula Malaysia mempunyai konsep hampir sama dengan konsep "Malaysia Boleh", tetapi digerakkan oleh sektor korporat tempatan dengan tujuan memupuk rasa bersyukur rakyat terhadap pencapaian negara selama ini. Apa yang penting, formula tanpa semangat daripada rakyat, tidak akan meninggalkan sebarang kesan.

Oleh itu, rakyat perlu meningkatkan usaha gigih mereka bagi memastikan kemajuan dan pencapaian negara berterusan. Usaha ini juga seiring dengan persiapan rakyat dan negara melangkah ke alaf baru.

Formula Malaysia adalah landasan untuk menghadapi cabaran alaf baru yang lebih besar dan hebat. Apatah lagi dengan perkembangan globalisasi dan wujudnya pasaran bebas tanpa sempadan.

Setiap rakyat perlu mempunyai semangat lebih tinggi dan daya saing yang kental untuk mencapai kejayaan. Rakyat Malaysia daripada pelbagai kaum dan

budaya tentunya memerlukan resipi yang sesuai untuk meneruskan kejayaan dan pencapaian selama ini. Jawapan yang tepat kepada usaha ini ialah Formula Malaysia yang mempunyai unsur penting bersatu dan muafakat. Formula Malaysia berpegang kepada prinsip bahawa yang baik dijadikan teladan dan perkara yang tidak baik pula dijadikan sempadan.

Dengan menghayati Formula Malaysia yang sudah terbukti berkesan, rakyat tidak perlu lagi tercari-cari resipi dari Barat untuk mencapai cita-cita membina sebuah negara maju, moden dan unggul.

Formula Malaysia sudah melalui proses evolusi sejarah lebih 42 tahun untuk mengadun dan memperkukuhkan ikatan masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya dalam satu acuan negara yang kukuh sehingga berjaya mencapai kemajuan dan kejayaan yang mengkagumkan. Pencapaian ini perlu dipertahan dan dikekalkan oleh semua rakyat Malaysia. Formula Malaysia sudah membawa rakyat dan negara ini kepada tahap pembangunan yang luar biasa dan menjadi contoh kepada beberapa negara lain di dunia ini.

Pembabitan syarikat korporat untuk menjayakan Formula Malaysia amat disanjung tinggi. Ini menunjukkan keprihatinan dan keinginan mereka untuk memberi sumbangan kepada pembangunan negara.

(END)